

# Daniel Mentaati Yehuwa

DANIEL BAB 1

KOTA YERUSALEM DALAM KESUSAHAN. ASKAR BABILON TELAH MENGEPUK LALU MERAMPAS KOTA ITU.

ORANG BABILON BAHKAN MERAMPAS HARTA DARI RUMAH YEHUWA.

MEREKA JUGA MENGAMBIL BEBERAPA ANAK MUDA DARI SANA.

NAK, IBU AKAN SANGAT MERINDUIMU!

KITA AKAN BERJAUHAN, TETAPI SELALU INGAT BAHAWA KAMI MENGASIHI KAMU.

DANIEL, TERUSLAH BERGANTUNG PADA YEHUWA. TAK KIRA DI MANA KAMU BERADA, TAATILAH DIA.

YA, AYAH.





DANIEL DAN PEMUDA YANG LAIN  
TIBA DI BABILON.

BETULKAH  
SEMUA INI?

SAYA TIDAK  
PERNAH  
NAMPAK TEMPAT  
BEGINI.

WAH,  
HEBATNYA!



TEMBOKNYA  
SANGAT BESAR.  
PASARNYA JUGA  
ADA JUAL SEMUA  
BARANG!

APA YANG  
MEREKA MAHU  
BUAT TERHADAP  
KITA?



MENGAPA  
MEREKA  
BAWA KITA  
KE SINI?



SELAMA TIGA TAHUN, ORANG BABILON BERUSAHA  
UNTUK MENJADIKAN ANAK-ANAK MUDA ISRAEL INI  
SEPERTI MEREKA.


SEKARANG KAMU DI  
BABILON. RAJA BERTITAH  
AGAR KAMU DIBERI NAMA  
BABILON, BELAJAR BAHASA  
BABILON . . .



. . . DAN MAKAN  
MAKANAN BABILON  
YANG TERBAIK.







TAK BOLEH!  
MAKANAN ORANG  
BABILON NAJIS DAN  
BERDARAH. LAGIPUN,  
MAKANAN ITU  
DIPERSEMBahkan  
KEPADA BERHALA!


TETAPI INI PERINTAH  
RAJA. MUNGKIN KITA  
PATUT IKUT SAHAJA . . .




KITA HARUS  
MENTAATI  
HUKUM  
TUHAN.



DANIEL,  
ITU HUKUM ISRAEL.  
TETAPI SEKARANG,  
KITA DI BABILON.



TIDAK KIRA KITA  
BERADA DI MANA,  
KITA HARUS PATUH  
HUKUM YEHUWA,  
TUHAN KITA.



IBU BAPA KITA  
DAN PARA IMAM  
TIADA DI SINI. ITU  
TIDAK MENJADI  
MASALAH!



BETUL ITU DANIEL.  
KAMI JUGA MAHU  
MENTAATI  
YEHUWA.

DANIEL DAN SAHABATNYA, HANANYA, MISAEEL, DAN AZARYA, BERCAKAP DENGAN PENJAGA MEREKA.

YEHUWA IALAH TUHAN KAMI. KAMI MAHU MENYENANGKAN DIA.

APA YANG KAMU MAHU SAYA BUAT?

SELAMA 10 HARI, BERILAH KAMI SAYUR DAN AIR SAHAJA.

KEMUDIAN BANDINGKAN KAMI DENGAN YANG LAIN, SAMA ADA KAMI MENJADI LEBIH SIHAT ATAU LEMAH.

PEMUDA YANG LAIN MUNGKIN BERAASA BAHAWA TINDAKAN DANIEL DAN SAHABATNYA ADALAH BODOH. RAJA TELAH MEMBERIKAN KEHIDUPAN DAN MAKANAN YANG TERBAIK!

TETAPI DANIEL DAN SAHABATNYA MEMILIH UNTUK MENTAATI YEHUWA. ADAKAH YEHUWA AKAN MEMBERKATI MEREKA?



SELEPAS 10 HARI, PENJAGA  
ITU MEMERIKSA DANIEL DAN  
SAHABATNYA.

KAMU SANGAT  
SIHAT! KAMU  
KELIHATAN LEBIH  
BAIK BERBANDING  
YANG LAIN!

SELEPAS TIGA TAHUN, EMPAT PEMUDA ITU  
DIBAWA UNTUK MENGHADAP RAJA. RAJA  
MENDAPATI BAHAWA MEREKA LEBIH BIJAK  
BERBANDING PEMUDA YANG LAIN. JADI DIA  
MENJEMPUT MEREKA BEKERJA DI ISTANANYA.

YEHUWA JUGA GEMBIRA DENGAN DANIEL.  
JADI APABILA YEHUWA MEMBERI RAJA  
MIMPI YANG ISTIMEWA, DIA MEMBANTU  
DANIEL MEMAHAMI DAN MENJELASKANNYA.



YEHUWA JUGA  
MEMBERI DANIEL MIMPI!  
SESETENGAH MIMPINYA  
MEMBERITAHU TENTANG  
MASA DEPAN.

**APAKAH YANG KITA BELAJAR DARIPADA  
CERITA INI?**

APAKAH SEBAB-SEBABNYA DANIEL DAN  
TIGA ORANG SAHABATNYA MUNGKIN  
BERASA SUSAH UNTUK BERSIKAP RENDAH  
HATI DAN PERCAYA KEPADA YEHUWA?

PETUNJUK: DANIEL 1:4.

MENGAPAKAH DANIEL DAPAT MENTAATI  
YEHUWA DAN MENOLAK TAWARAN RAJA?

PETUNJUK: MAZMUR 119:112; DANIEL 1:8.

APABILA KAMU BERJAUHAN DENGAN IBU  
BAPA, APAKAH YANG DAPAT MEMBANTU  
KAMU UNTUK MENTAATI YEHUWA?

PETUNJUK: AMSAL 15:3; 1 YOHANES 5:3.